

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PERASMIAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2004
AT DEWAN MILENIUM, KEPALA BATAS, PULAU PINANG
20 APRIL 2004

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

YAB TAN SRI DR. KOH TSU KOON
KETUA MENTERI PULAU PINANG

YB EXCO NEGERI PULAU PINANG

YBHG TAN SRI AHMAD SARJI ABDUL HAMID
PENGERUSI PNB

YBHG DATUK HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PNB

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA, DAPAT KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL DI KEPALA BATAS PADA PAGI INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2004 INI.

2. SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN PNB KERANA BERJAYA MENGANJURKAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA BUAT KALI KELIMA. USAHA BERTERUSAN INI, DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN MENGENAI PELABURAN, KHUSUSNYA PELABURAN DALAM BENTUK SAHAM AMANAH, PERLU DICONTOKI. PENDEKATAN SECARA LANGSUNG DENGAN MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN SEPERTI INI, YANG TURUT MELIBATKAN PENYERTAAN MASYARAKAT UMUM MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN, MAMPU MENARIK MINAT ORANG RAMAI UNTUK SAMA-SAMA MENJAYAKAN MINGGU INI. SAYA BERHARAP AGAR SEPANJANG SEMINGGU ACARA INI DILAKSANAKAN DI DEWAN MILENIUM INI, SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT AKAN MEMANFAATKAN PLATFORM PENDIDIKAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PNB INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

3. KITA SEHARUSNYA BERSYUKUR BAHAWA SENARIO EKONOMI NEGARA TELAH MEMPERLIHATKAN PENINGKATAN YANG SEMAKIN POSITIF. SESUNGGUHNYA

KESABARAN, USAHA GIGIH, KERJASAMA DAN PENGORBANAN SETIAP RAKYAT DALAM MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN TELAH MULA MEMBUAHKAN HASIL.

4. BAGI TAHUN 2003, EKONOMI MALAYSIA TELAH BERKEMBANG SEBANYAK 5.2%, IAITU MENJANGKAU ANGGARAN AWAL SEBANYAK 4.5%. PERKEMBANGAN INI DIDORONG OLEH PERKEMBANGAN MENGGALAKKAN DALAM SEMUA SEKTOR EKONOMI, DITERAJUI OLEH SEKTOR PEMBUATAN YANG MENINGKAT SEBANYAK 8.2%. SEKTOR PERTANIAN JUGA BERKEMBANG DENGAN PESAT SEBANYAK 5.5% BERIKUTAN PENINGKATAN JUMLAH PENGELUARAN SERTA KENAIKAN HARGA KOMODITI UTAMA SEPERTI GETAH DAN KELAPA SAWIT. SEKTOR PERKHIDMATAN YANG TERJEJAS PADA SEPARUH TAHUN PERTAMA 2003 – KESAN DARI WABAK SARS – TELAH MENGALAMI PEMULIHAN DENGAN MENCATATKAN PERKEMBANGAN SEBANYAK 4.1%. SECARA KESELURUHANNYA, PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA DALAM TAHUN 2003 DIDORONG OLEH PENINGKATAN PERMINTAAN DALAM NEGARA BERIKUTAN PENINGKATAN PENDAPATAN ISI RUMAH DAN SEKTOR KORPORAT. DI SAMPING ITU, PENINGKATAN HARGA KOMODITI JUGA TELAH MENINGKATKAN PENDAPATAN PENDUDUK LUAR BANDAR.

5. SECARA KESELURUHANNYA, PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA ADALAH SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN EKONOMI SERANTAU YANG DITERAJUI OLEH NEGARA CHINA YANG MENCATATKAN PERKEMBANGAN SEBANYAK 9.1% DAN THAILAND YANG MENCATATKAN PERKEMBANGAN SEBANYAK 6.7%.

6. SELAIN ITU, PRESTASI EKONOMI TELAH MENCATATKAN PENCAPAIAN YANG LEBIH BAIK BERBANDING EKONOMI NEGARA SERANTAU YANG LAIN SEPERTI SINGAPURA, KOREA SELATAN, INDONESIA, DAN FILIPINA YANG MENCATATKAN PERKEMBANGAN KURANG DARIPADA 5%.

7. PADA TAHUN 2003 YANG LALU JUGA, PASARAN SAHAM TELAH MENCATATKAN PENINGKATAN YANG BAIK DIDORONG OLEH EKONOMI NEGARA YANG MANTAP. INDEKS KOMPOSIT MSEP MENINGKAT HAMPIR 23%, IAITU PENCAPAIAN TERTINGGI SEMENJAK TAHUN 1999, DENGAN JUMLAH NILAI DAGANGAN HARIAN YANG MENGGALAKKAN. TURUT MERANCAKKAN SEMUA INI LAGI IALAH PENINGKATAN PENGLIBATAN PELABUR TEMPATAN BERIKUTAN PENYERAGAMAN LOT DAGANGAN KEPADA 100 UNIT.

8. PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2004 PULA, PRESTASI PASARAN SAHAM TERUS MENUNJUKKAN PENINGKATAN SEBANYAK 13%, IAITU JUMLAH YANG TERTINGGI BERBANDING PASARAN SERANTAU DAN JUGA PASARAN-PASARAN UTAMA DUNIA. PRESTASI YANG MENGGALAKKAN INI DIDORONG OLEH PENINGKATAN PENDAPATAN SEKTOR KORPORAT DI SAMPING PENINGKATAN KEYAKINAN PELABUR EKORAN KESTABILAN EKONOMI DAN SUASANA POLITIK NEGARA. SEMENTARA ITU, AKTIVITI SEKTOR SWASTA DIJANGKA AKAN TERUS MENINGKAT BAGI MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI PADA TAHUN 2004. SEPERTIMANA YANG SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, EKONOMI NEGARA DIJANGKA AKAN TERUS MENINGKAT DENGAN ANGGARAN PERTUMBUHAN DI ANTARA 6% HINGGA 6.5% PADA TAHUN 2004.

9. DI WAKTU YANG SAMA, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN DAYA SAING EKONOMI NEGARA DENGAN MENEROKAI SUMBER PENDAPATAN DAN KEKAYAAN BARU, MENGURANGKAN KARENAH BIROKRASI SEKTOR AWAM, DAN MEMUPUK BUDAYA PRESTASI (PERFORMANCE CULTURE) DI KALANGAN SEKTOR KORPORAT. ANTARA ISU-ISU LAIN YANG AKAN TERUS MENDAPAT PERHATIAN KERAJAAN TERMASUKLAH MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MELALUI PROGRAM PENDIDIKAN YANG BERDAYAMAJU, MEMBANGUNKAN ISLAM HADHARI YANG TOLERAN DAN PROGRESIF, MEMBANTERAS GEJALA RASUAH, DAN MENGAWAL JENAYAH DAN KESELAMATAN AWAM. UNTUK JANGKA MASA SEDERHANA, KERAJAAN JUGA AKAN MERANGSANG SUASANA PERNIAGAAN YANG MENGUTAMAKAN INOVASI PRODUK DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN YANG MESRA PELANGGAN. INI AMATLAH PENTING KERANA MALAYSIA SENTIASA BERSAING DENGAN NEGARA-NEGARA SERANTAU UNTUK MENARIK MINAT PELABUR ASING DAN DOMESTIK. INSYA-ALLAH, SEGALA KEJAYAAN YANG BAKAL DIKECAPI MELALUI USAHA-USAHA INI BOLEH MENDORONG PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DAN SECARA LANGSUNG MEMPENGARUHI PRESTASI PASARAN MODAL. SAYA PERCAYA BAHAWA KEJAYAAN DALAM MENANGANI KESEMUA ISU-ISU INI AKAN MENINGKATKAN LAGI KUALITI HIDUP RAKYAT MALAYSIA SERTA MENJAMIN PERPADUAN NEGARA YANG ERAT PADA MASA HADAPAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

10. PELABURAN DALAM UNIT AMANAH MERUPAKAN ALTERNATIF YANG BIJAK BAGI MASYARAKAT PELBAGAI LAPISAN YANG INGIN MULA BERGIAT DALAM PASARAN MODAL DAN MEMANFAATKAN PRESTASI POSITIF PASARAN SAHAM DENGAN CARA YANG LEBIH MUDAH DAN TERKAWAL. MENERUSI UNIT AMANAH, PARA PELABUR BERPELUANG MEMINIMAKAN RISIKO PELABURAN KERANA PORTFOLIO PELABURAN SESUATU SKIM UNIT AMANAH TERDIRI DARIPADA INSTRUMEN PELABURAN YANG PELBAGAI. PADA HAKIKATNYA, KEJATUHAN HARGA SESUATU PELABURAN DAPAT DIIMBANGI ATAU DITAMPUNG OLEH KENAIKAN HARGA PELABURAN YANG LAIN.

11. INI BERBEZA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PENGLIBATAN SECARA LANGSUNG DI DALAM PASARAN SAHAM, DI MANA NILAI DAN PULANGAN BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA KENAIKAN ATAU PENURUNAN HARGA SAHAM TERSEBUT. DALAM ERTI KATA LAIN, APABILA SAHAM MENINGKAT, SECARA LANGSUNG PELABUR AKAN UNTUNG DAN JIKA NILAI SAHAM MENURUN, PELABUR AKAN MENGALAMI KERUGIAN. DENGAN YANG DEMIKIAN, KITA HARUS SEDAR BAHAWA PELABURAN SECARA LANGSUNG DALAM PASARAN SAHAM MEMERLUKAN PENELITIAN DAN PEMANTAUAN YANG RAPI OLEH PELABUR SENDIRI. KESILAPAN PERKIRAAN ATAU FAKTA PASTINYA AKAN MERUGIKAN PARA PELABUR.

12. DENGAN UNIT AMANAH PULA, PARA PELABUR TIDAK PERLU MERASA TERLALU SUSAH HATI KERANA TABUNG UNIT AMANAH DIURUSKAN OLEH PENGURUSAN YANG PROFESIONAL DAN BERKEMAHIRAN. INI MENJADIKAN UNIT AMANAH KAEDAH PELABURAN YANG SESUAI UNTUK MASYARAKAT UMUM YANG KURANG KEPAKARAN DAN MASA UNTUK MELABUR TERUS DI PASARAN SAHAM TERBUKA. PENGURUSAN UNIT AMANAH DIBERI MANDAT DAN AMANAH UNTUK MEMANTAU PERKEMBANGAN

PELABURAN SEMASA SUPAYA PORTFOLIO PELABURAN YANG SESUAI DAPAT DIPILIH DEMI MENJAGA KEPENTINGAN PARA PELABURNYA.

13. UNIT AMANAH MERUPAKAN SALAH SATU INSTRUMEN PELABURAN YANG TERDAPAT DI PASARAN DAN TIDAK BOLEH DISAMAKAN DENGAN AKAUN SIMPANAN DI BANK-BANK. UNIT AMANAH TURUT TERDEDAH KEPADA RISIKO TURUN NAIK PASARAN SEBAGAIMANA PELABURAN SECARA LANGSUNG DALAM PASARAN SAHAM, BON, SEKURITI DAN SEBAGAINYA. PERBEZAANNYA HANYALAH BAHAWA TAHAP RISIKO UNIT AMANAH LEBIH RENDAH BERBANDING PELABURAN SECARA LANGSUNG DALAM PASARAN. DENGAN ITU, PRESTASI UNIT AMANAH BERKAIT RAPAT DENGAN PRESTASI PASARAN SAHAM YANG KADANG-KADANG DIPENGARUHI OLEH SENTIMEN PASARAN DAN SENARIO EKONOMI SEMASA. OLEH YANG DEMIKIAN, PELABUR UNIT AMANAH HARUS PEKA TERHADAP HUBUNGKAIT ANTARA RISIKO-PULANGAN PASARAN YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PELABURAN YANG DIBUAT, DAN TIDAK BERTANGGAPAN BAHAWA UNIT AMANAH MEMBAWA KADAR PULANGAN YANG TETAP. PEMAHAMAN TENTANG PERKARA INI, WALAUPUN DILIHAT SEBAGAI AGAK RUMIT, AMAT PENTING DALAM MEMBUAT PELABURAN UNIT AMANAH YANG BIJAK DAN BERTEPATAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

14. SEKARANG INI, RAKYAT MEMPUNYAI PILIHAN UNTUK MELABUR DALAM 243 TABUNG UNIT-UNIT AMANAH, TERMASUK 10 TABUNG UNIT-UNIT AMANAH YANG DIURUSKAN OLEH PNB. DENGAN JUMLAH TERSEBUT, RAKYAT MEMPUNYAI PELBAGAI PILIHAN PELABURAN DAN BEBAS MELABUR DALAM MANA-MANA UNIT AMANAH YANG SELARI DENGAN MATLAMAT PELABURAN DAN KEMAMPUAN RISIKO YANG DITANGGUNG OLEH MEREKA. TAMBAHAN PULA, SAYA YAKIN BAHAWA PENGLIBATAN DALAM UNIT AMANAH SECARA TIDAK LANGSUNG MENAMBAH PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN MASYARAKAT MENGENAI ELEMEN-ELEMEN PELABURAN.

15. KEWUJUDAN TABUNG UNIT-UNIT AMANAH INI JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA SELURUH MASYARAKAT UNTUK TURUT MENIKMATI KEMAKMURAN EKONOMI NEGARA. SEJAJAR DENGAN PENINGKATAN PRESTASI BURSA SAHAM MSEP, NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH TELAH MENINGKAT LEBIH KURANG 31% PADA TAHUN 2003 DENGAN NILAI ASET BERSIH KINI BERJUMLAH LEBIH 72 BILION RINGGIT. BILANGAN AKAUN UNIT AMANAH PULA TELAH MELEPASI PARAS 10 JUTA, DENGAN UNIT DALAM PUSINGAN BERJUMLAH HAMPIR 100 BILION. INI MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG AMAT MENGGALAKKAN. SAYA BERHARAP PRESTASI INI AKAN TERUS MENINGKAT DAN BERKEMBANG DI MASA AKAN DATANG.

16. DALAM PADA ITU, SAYA BERHARAP PARA SYARIKAT PENGURUSAN AKAN TERUS MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA UNTUK MENGURUS TABUNG-TABUNG UNIT DAN MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN MEREKA. DI SAMPING ITU, PENGURUS-PENGURUS UNIT AMANAH HARUSLAH SENTIASA BERSIKAP AMANAH, JUJUR DAN IKHLAS DALAM MENGURUS PELABURAN BAGI PIHAK PARA PELABUR. SAYA INGIN MENEGASKAN BAHAWA PIHAK-PIHAK BERKUASA TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL

TINDAKAN TEGAS TERHADAP SEBARANG PENYELEWENGAN YANG MEMBABITKAN WANG RAKYAT.

17. SEKIRANYA TABUNG-TABUNG UNIT AMANAH DIURUS DENGAN CEKAP DAN BAIK, SAYA YAKIN UNIT AMANAH AKAN TERUS MAMPU MENJADI INSTRUMEN PELABURAN BAGI MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDERHANA UNTUK TURUT SERTA DALAM ARUS PEMBANGUNAN PERDANA NEGARA. PELUANG-PELUANG UNTUK GOLONGAN SEPERTI INI HARUS DIPERLUASKAN AGAR LEBIH RAMAI ORANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA PELABURAN UNIT AMANAH. JUSTERU ITU, SAYA SANGAT-SANGAT BERHARAP LEBIH BANYAK SYARIKAT PENGURUSAN UNIT AMANAH AKAN MENAWARKAN PRODUK DAN SKIM UNIT AMANAH YANG SESUAI BAGI GOLONGAN-GOLONGAN SEPERTI INI, SUPAYA MEREKA TIDAK SEKALI-KALI MERASAKAN DIRI MEREKA TERKECUALI DARIPADA PELUANG-PELUANG PELABURAN INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

18. SAYA BERBANGGA DENGAN SOKONGAN YANG DITUNJUKKAN OLEH BADAN DAN SYARIKAT BERKAITAN DALAM MEMACU PERKEMBANGAN INDUSTRI INI. SAYA PERCAYA, USAHA PENDIDIKAN PELABURAN PNB SELAMA INI SEDIKIT SEBANYAK MEMBERI PANDUAN KEPADA MASYARAKAT UNTUK BERGIAT DALAM PELABURAN. INISIATIF PNB MELAKSANAKAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA SETIAP TAHUN SEMEMANGNYA MEMBERI KESAN KEPADA PENERIMAAN DAN KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP INDUSTRI PELABURAN KHUSUSNYA UNIT AMANAH, TERUTAMANYA MENGENAI KEFAHAMAN BERKAITAN RISIKO DAN PULANGAN DALAM SESUATU PELABURAN.

19. SAYA DIFAHAMKAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA KALI INI TURUT MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PERKEMBANGAN INDUSTRI PERANCANGAN KEWANGAN (FINANCIAL PLANNING) SEBAGAIMANA TAHUN LALU. DENGAN MAKLUMAT YANG DISAMPAIKAN, SAYA TURUT BERHARAP AGAR UNIT AMANAH MAMPU DITONJOLKAN SEBAGAI MEKANISME PERANCANGAN KEWANGAN DIRI DAN KELUARGA UNTUK PELABURAN DI MASA HADAPAN.

20. MAKA SEBAB ITU, SAYA MENYERU AGAR SELURUH MASYARAKAT, TERUTAMANYA RAKYAT PULAU PINANG, MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MENGUNJUNGI MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA DAN MENIMBA SEBANYAK MUNGKIN PENGETAHUAN BERKAITAN PELABURAN SAMBIL MENYERTAI PELBAGAI KEGIATAN YANG TELAH DIRANGKA KE ARAH MEREALISASIKAN ASPIRASI DAN HARAPAN MASYARAKAT CELIK PELABURAN, BERILMU DAN BERWAWASAN. SAYA BERDOA AGAR SETIAP APA YANG DIUSAHAKAN INI MENDAPAT KEREDHAAN ALLAH S.W.T. DAN BEROLEH KEJAYAAN SERTA MENCAPAI MATLAMATNYA.

21. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SEGALA SUKACITANYA MERASMIKAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2004.

SEKIAN, TERIMA KASIH.